

- 22 Kesilapan yang berikut dilakukan Cik Adilah, seorang kerani akaun Perniagaan Nusajaya

Jualan kepada Encik Sharul sebanyak RM500 direkodkan ke dalam Akaun Encik Saharul

Nyatakan jenis kesilapan di atas.

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan komisen
- C Kesilapan songsang
- D Kesilapan saling mengimbangi

Jawapan:

- 23 Kesilapan yang berikut dilakukan oleh seorang kerani akaun Perniagaan Latipah

Belian kredit daripada Pembekal Ali berjumlah RM 450 tersilap rekod sebagai RM 540

Bagaimanakah kesilapan tersebut diperbetulkan dalam Jurnal Am?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Belian	90	
	Pembekal Ali		90
B	Pembekal Ali	90	
	Belian		90
C	Belian	450	
	Pembekal Ali		450
D	Pembekal Ali	450	
	Belian		450

Jawapan:

- 24 Manakah antara yang berikut merupakan nisbah yang digunakan untuk mengukur kemampuan perniagaan menjelaskan semua liabiliti semasanya.

- A Nisbah Semasa
- B Nisbah Ujian Asid
- C Pulangan Atas Modal
- D Peratus Untung Kasar Atas Jualan

Jawapan:

- 25 Apakah cara perbandingan yang digunakan untuk menentukan untung atau rugi bersih perniagaan yang tidak menyimpan akaunnya dengan lengkap
- A Modal awal dengan modal akhir
 - B Jumlah aset dengan jumlah liabiliti
 - C Penerimaan tunai dengan pembayaran tunai
 - D Pendapatan hasil dengan pendapatan modal

Jawapan:	
----------	--

- 26 Aset dan liabiliti YUS ENT adalah seperti berikut

	1 April 2017	31 Mac 2018
	RM	RM
Modal	31 550	38 250

Maklumat Tambahan pada 31 Mac 2018

- (i) Ambilan barang niaga RM 125 setiap bulan
- (ii) Pemilik membawa masuk perabot peribadi untuk kegunaan perniagaan RM 800

Hitung untung bersih atau rugi bersih bagi tahun berakhir 31 Mac 2018

- A Rugi RM 6 000
- B Rugi RM 7 375
- C Untung RM 6 025
- D Untung RM 7 400

Jawapan:	
----------	--

- 27 Kedai Buku Azman menunjukkan baki awal Akaun Belum Bayar sebanyak RM 3 850 dan baki akhir Akaun Belum Bayar RM 2 620. Jumlah belian kredit adalah RM 32 580 dan pulangan belian ialah RM 1 320.

Berapakah pembayaran kepada Akaun Belum Bayar jika 10% diskaun tunai diterima

- A RM32 490
- B RM30 030
- C RM29 241
- D RM22 311

Jawapan:	
----------	--

- 28 Mengapakah tugas pengendalian tunai diasingkan daripada tugas merekod urus niaga tunai?
- A Memastikan perniagaan mendapat keuntungan maksimum.
 - B Menjimatkan masa merekod ke dalam buku-buku perakaunan.
 - C Memudahkan kerja merekod ke dalam buku-buku perakaunan.
 - D Mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan wang tunai.

Jawapan:	
----------	--

- 29 Situasi berikut berlaku dalam Perniagaan Fatin

Sekeping cek untuk bayaran gaji bernilai RM950 yang dibayar oleh bank dicatatkan salah sebagai RM905 dalam Buku Tunai.

Apakah kesan kesilapan tersebut ke atas baki bank?

- A Kedua-dua baki dalam Buku Tunai dan Penyata Bank terlebih sebanyak RM45
- B Kedua-dua baki dalam Buku Tunai dan Penyata Bank berkurang sebanyak RM45
- C Baki Buku Tunai terlebih sebanyak RM45 berbanding dengan Penyata Bank
- D Baki Buku Tunai berkurang sebanyak RM45 berbanding dengan Penyata Bank.

Jawapan:	
----------	--

- 30 Maklumat yang berikut menunjukkan anggaran belian bagi Perniagaan Hartini untuk tiga bulan berakhir 31 Mac 2018.

Bulan	Anggaran Belian (RM)
Januari	34 000
Februari	40 000
Mac	25 000

80% daripada belian bagi setiap bulan akan dibayar tunai. Bakinya diberi tempoh kredit sebulan.

Hitung anggaran tunai yang dibayar pada bulan Mac 2018

- A RM 30 000
- B RM 28 000
- C RM 20 000
- D RM 8 000

Jawapan:	
----------	--

31 Butiran manakah yang terdapat dalam Akaun Semasa pekongsi?

- I Gaji pekongsi
- II Untung bersih
- III Faedah atas modal
- IV Modal

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Jawapan:	
----------	--

32 Maklumat yang berikut diberikan oleh sebuah perniagaan perkongsian.

Perniagaan Abbu dan Abby mempunyai jumlah aset RM76 000 dan jumlah liabiliti RM8 400. Dalam proses realisasi, semua aset tersebut direalis sebanyak RM64 000 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya. Belanja realisasi berjumlah RM250.

Berdasarkan ikatan perjanjian perkongsian, Perniagaan Abbu dan Abby bersetuju untuk membahagikan untung atau rugi realisasi masing-masing mengikut nisbah 2:3.

Hitung untung atau rugi realisasi bagi pekongsi Abby.

- A Rugi RM 7 350
- B Untung RM 7 350
- C Rugi RM 4 900
- D Untung RM 4 900

Jawapan:	
----------	--

33 Pilih pernyataan yang benar tentang dividen

- I Dividen ialah sebahagian keuntungan yang diagihkan oleh syarikat kepada pemegang syer
- II Dividen interim diagihkan sebelum tamat tempoh perakaunan
- III Dividen akhir juga dikenali sebagai dividen syer keutamaan
- IV Pemegang syer biasa berhak menerima tunggakan dividen

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Jawapan:	
----------	--

34. Mengapakah kawalan tunai perlu dilakukan?

- A Meningkatkan produktiviti
- B Mengurangkan penyelewengan tunai
- C Memastikan pengurusan berjalan lancar
- D Mengurangkan pekerja

Jawapan:	
----------	--

35. Buku tunai Perniagaan Ongtong menunjukkan baki kredit RM2 105 pada

30 Jun 2018 berbeza dengan baki pada penyata bank pada tarikh yang sama disebabkan perkara berikut:

Cek belum dikemukakan RM5 350 Deposit belum dikreditkan RM2 260

Berapakah baki di Penyata Bank pada tarikh yang sama?

- A Baki kredit RM985
- B Baki debit RM985
- C Baki kredit RM5 195
- D Baki debit RM5 195

Jawapan:	
----------	--

Soalan Tamat